

19/06/1998

Bersatu hadapi suasana getir (HL)

in; Dewi Murni Mohamed; Rohaniza Idris.

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengajak semua pihak, khususnya di dalam Umno bersatu serta menggilap semangat pengorbanan dengan mengutamakan kepentingan negara dan rakyat, ketika menghadapi suasana getir akibat kegawatan ekonomi sekarang.

Dalam menghadapi kekusutan sekarang, Timbalan Presiden Umno menegaskan ahli parti tidak seharusnya hilang pedoman, sebaliknya terus menggenggam kuat prinsip perjuangan yang berteraskan ajaran Islam dan kebudayaan Melayu.

Sambil mengingatkan wujud petualang yang mahu menanggung di air keruh dan cuba mengadu domba serta melaga-lagakan pemimpin, beliau menegaskan, Umno mempunyai agenda tersendiri yang perlu diperjuangkan dan hanya parti itu boleh menentukan agenda Umno.

"Kita merumus agenda kita tersendiri: agenda bangsa Melayu, agenda ekonomi, agenda sosial, agenda agama dan agenda budaya. Kita mempunyai Wawasan 2020 dan gagasan masyarakat madani yang perlu dijayakan. Maka perhatian dan tumpuan kita jangan dikalihkan oleh permainan catur orang lain.

"Umno perlu bersatu dalam satu saf yang padu bersama pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk menghadapi suasana getir ini. Kepentingan peribadi perlu diketepikan dan sikap berkelompok serta berpuak harus dielakkan.

"Kita perlu mengambil iktibar daripada kerenah akibat berpuak-puak," katanya berucap merasmikan serentak Perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri mengingatkan pengorbanan tidak boleh dilakukan oleh satu pihak saja, tetapi harus membabitkan semua sama ada pengguna, peniaga, pekerja, korporat, pemimpin dan rakyat.

"Kita tidak akan dapat keluar daripada kegawatan sekarang jika ada golongan yang mengambil sikap enau dalam belukar melepaskan pucuk masing-masing. Golongan bernafsu besar ini mahukan mereka didahulukan.

"Ketika zaman mewah mereka mahu membolot segala habuan. Tatkala kita berdepan dengan kesusahan, mereka mahukan mereka dibantu segera terlebih dulu daripada yang lain dan dengan apa cara sekalipun.

"Bahkan, mereka menggertak sesiapa saja, termasuk institusi kerajaan supaya memberikan keutamaan terhadap penyelesaian masalah mereka. Mereka ini berasakan diri sebagai anak emas, perlu sentiasa ditatang, kemahuan mereka mesti dilayan, martabat mereka lebih tinggi daripada seluruh rakyat jelata lain," katanya.

(END)